

Harian METRO

| | | | |
|------------|----------------------|---------|--------|
| TARIKH | 20 / 2 / 2016 - 2017 | SEKSYEN | BISNES |
| MUKA SURAT | 46 | RUANGAN | |

Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lembaga Tabung Haji (TH) sudah membantu sehingga 591 syarikat Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan masing-masing di dalam pelbagai sektor sebagai inisiatif memperkasakan agenda Bumiputera.

Ia membabitkan syarikat Bumiputera yang memperoleh pembiayaan menerusi Dana Bumiputera Al-Ansar sejak dilancarkan pada 2015 dan syarikat Bumiputera yang menerima pelaburan ekuiti langsung daripada TH.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Badlysyah Abdul Ghani berkata, sebagai sebuah syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (G.I.C), TH mempunyai tanggungjawab tersendiri menyokong kerajaan di dalam agenda pemerkaan serta transformasi Bumiputera di negara ini.

Berikut itu, beliau berkata selain terbabit dalam bidang pengurusan haji dan dana pendepositi, TH juga mempunyai dana yang diperuntukkan khas kepada usahawan Bumiputera yang mahu membangun dan membesar syarikat ke tahap lebih besar.

"Bagi Dana Bumiputera Al-Ansar, TH sudah menyalurkan pembiayaan kepada 587 syarikat Bumiputera yang terbabit dalam pelbagai industri seperti pembinaan, minyak dan gas, peruncitan, barang pengguna, telekomunikasi, pengeluaran halal, pengangkutan, kesihatan, perkhidmatan, pendidikan, hospitaliti dan asas tamu."

"Bagi pelaburan sara ekuiti langsung pula, TH sudah melabur di dalam empat syarikat yang mana dua terbabit dalam bidang perternakan ayam serta masing-masing syarikat yang bergiat dalam industri pengeharuan cari dan reka bentuk dalamnya. TH bercadang melabur di dalam dua lagi syarikat Bumiputera berkelayakan pada tahun ini."

"Semua syarikat Bumiputera itu adalah antara syarikat yang mencapai kemajuan di dalam bidang masing-masing," katanya dalam satu temu bual bersama akhbar kumpulan The New Straits



“
Semua syarikat Bumiputera itu adalah antara syarikat yang mencapai kemajuan di dalam bidang masing-masing”
Badlysyah

Times Press (NSTP) di sini, bar-bar ini.

Badlysyah berkata, Dana Bumiputera Al-Ansar mempunyai salz sebesar RM200 juta yang menyekalkan sebanyak RM175 juta sudah disalurkan kepada syarikat Bumiputera yang layak.

“Dana ini disediakan untuk tempoh lima tahun yang bermakna syarikat yang memperoleh pembiayaan sejak 2015 akan mempunyai tempoh (kontrak) lebih panjang. Jika ada syarikat yang mahu mendapatkan baki pembiayaan sebanyak RM25 juta lagi, tempoh pembiayaan adalah antara satu hingga tiga tahun,” katanya.

Bagi pelaburan ekuiti langsung pula, beliau berkata TH memperuntuk dana sebanyak RM50 juta bagi tujuan itu dan pelaburannya di dalam empat syarikat tahun lalu adalah berjumlah RM4 juta.

Pelaburan ekuiti langsung itu, katanya, adalah di dalam syarikat 100 peratus milik Bumiputera yang menjalankan perniagaan paruh Syariah, beroperasi sekurang-kurangnya dua tahun dan meninjukkan prestasi yang memuaskan. "Pelaburan yang TH laksanakan adalah melalui saham biasa atau saham

keutamaan. Paling muatlah, syarikat terbabit mestilah menunjukkan minat yang tinggi untuk mengembangkan perniagaan.

"Kami mencari syarikat yang mahu mengembangkan perniagaan ke tahap lebih tinggi dan minat yang ditunjukkan perihal itu, itu yang penting sekali kerana apabila kami melakukan penilaian bagi mencari syarikat yang sesuai untuk dilabur, jika keinginan untuk menaikkan diri tiada maka sukarlah (usaha itu)," katanya.

Badlysyah berkata, TH juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Majlis Amranah Rakyat (MARA), Yayasan Wakaf Malaysia dan sebagainya bagi merintis pembangunan agenda Bumiputera.

"Kami melihat bagaimana dan TH boleh disatukan dengan dana agensi lain untuk membuat pelaburan bersama syarikat Bumiputera berpotensi.

"Selain itu, TH juga sedia berkongsi pengalaman

dalam pengurusan dana dan perihal kewangan dengan usahawan Bumiputera, supaya mereka

boleh memperbaiki kedudukan mereka dalam bidang berkenaan," katanya.

Tabung Haji perkasa usahawan Bumiputera

■ Bantu 591 syarikat tempatan kembang perniagaan menerusi Dana Bumiputera Al-Ansar dan Dana Ekuiti Langsung

INFO

DANA BUMIPUTERA AL-ANSAR

Sah Dana: RM200 juta
Kontrak Syariah: Tawarruq
Jumlah Pembayaran: RM50,000 hingga RM1 juta
Pemilik: Dimiliki sepenuhnya oleh syarikat/ usahawan Bumiputera Muslim

BADLYSYAH

